

**UNSUR-UNSUR TARBIAH DALAM KARYA FATHI  
YAKAN**

**ASMA KHOLILAH MOHAIYUDDIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**UNSUR-UNSUR TARBIAH DALAM KARYA FATHI  
YAKAN**

**oleh**

**ASMA KHOLILAH MOHAIYUDDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**NOVEMBER 2016**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad s.a.w kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, penulis dapat menyelesaikan penulisan tesis yang bertajuk *Unsur-unsur Tarbiah Dalam Karya Fathi Yakan* sebagai syarat untuk menyelesaikan Ijazah Sarjana di Universiti Sains Malaysia .

Penulis bersyukur lantaran keterbatasan masa dan kemampuan yang dimiliki penulis bagi menyempurnakan penyelidikan ini, pelbagai pihak telah menyumbangkan bantuan dari segi moral dan material di samping meluangkan masa untuk memberi bimbingan bermula dari awal sehingga penulisan ini diselesaikan. Oleh itu penulis dengan berbesar hati ingin menyampaikan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada:

Dr. Mohd Nizam Sahad selaku penyelia, Dr. Mohd Farid Shariff selaku ex-penyelia dalam penulisan tesis ini yang banyak meluangkan masa memberikan bimbingan dan cadangan kepada penulis sehingga penulis dapat menyelesaikan penulisan ini serta seluruh pensyarah Bahagian Pengajian Islam, staf dan pegawai di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, yang telah memberi bantuan serta layanan pentadbiran kepada penulis sepanjang keberadaan penulis di situ.

Seluruh staf dan pegawai Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan universiti-universiti lain yang ada di Malaysia yang telah memberi layanan baik dalam

meminjamkan buku-buku dan bahan-bahan rujukan yang diperlukan sehingga penulisan tesis ini selesai.

Mohd Izani Othman suami tercinta, Alya, Danish, Nadira dan Amani permata hati tersayang, Mohaiyuddin dan Noorizan selaku ibu bapa penulis, Othman dan Che Sayang selaku ibu bapa mertua serta semua ahli keluarga yang turut memberi bantuan dana, doa dan motivasi hingga penulis dapat menyelesaikan tesis untuk ijazah sarjana ini.

Tidak lupa kepada Dr. Maysoon Salama, Dr. Mohd Izani, Puan Azlin, Puan Halizah, Encik Azlan, Cik Siti Hajar, Mrs. Khoo, guru-guru di SMK Seri Balik Pulau, semua rakan penulis yang berada di Malaysia dan New Zealand serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah menghulurkan bantuan kepada penulis dari segi moral dan material hingga penulisan tesis ini diselesaikan.

Penulis menyedari masih terdapat banyak kekurangan dan kelemahan dalam penulisan tesis ini. Justeru, penulis amat menghargai segala kritikan dan cadangan yang membina dari pelbagai pihak untuk kesempurnaan tesis ini agar dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama dalam kegiatan keilmuan pada masa hadapan.

P.Pinang 2016  
(Asma Kholilah)

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN KATA	viii
PANDUAN TRANSLITERASI	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
<b>BAB 1    PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Kajian-kajian Lepas	10
1.3 Batasan Kajian	24
1.4 Kepentingan Kajian	25
1.5 Objektif Kajian	28
1.6 Metodologi Kajian	28
<b>BAB 2    KONSEP TARBIAH DALAM PENULISAN           DAKWAH</b>	
2.0 Pengenalan	32
2.1 Tarbiah Dalam Islam	33
2.1.1 Pengertian Tarbiah	33
2.1.2 Pengertian Tarbiah Islamiah	36
2.1.3 Ruang Lingkup Tarbiah	38
2.1.4 Ciri-ciri Tarbiah	40
2.1.5 Matlamat Tarbiah	45
2.1.6 Metodologi Tarbiah	48
2.1.7 Sumber Tarbiah	51

2.1.8	Jenis-jenis Tarbiah	52
2.1.9	Kepentingan Tarbiah	67
2.1.9.(a)	Individu	67
2.1.9.(b)	Keluarga	68
2.1.9.(c)	Masyarakat	68
2.1.9.(d)	Negara	69
2.2	Dakwah Dalam Islam	70
2.2.1.	Pengertian Dakwah	70
2.2.2	Ruang Lingkup Dakwah dan Hukum Dakwah	73
2.2.3	Ciri-ciri Umum Manhaj Dakwah	77
2.2.4	Matlamat Dakwah	77
2.2.5	Metodologi Dakwah	80
2.2.6	Jenis-jenis Dakwah	83
2.2.7	Kepentingan Dakwah	86
2.2.7.(a)	Individu	86
2.2.7.(b)	Keluarga	86
2.2.7.(c)	Masyarakat	87
2.2.7.(d)	Negara	87
2.3	Penulisan Dakwah Dalam Islam	88
2.3.1	Pengenalan Penulisan Dakwah	88
2.3.2	Tanggungjawab Penulis Dakwah	91
2.3.3	Ciri-ciri Penulis Dakwah	93
2.3.4	Bentuk Penulisan Dakwah	94
2.3.5	Kepentingan Penulisan Dakwah	95
2.4	Rumusan	97

### **BAB 3 SEJARAH HIDUP DAN SUMBANGAN FATHI YAKAN**

3.0	Pengenalan	98
3.1	Latar Belakang Fathi Yakan	98
3.2	Latar Belakang Keluarga Fathi Yakan	99
3.3	Latar Belakang Pendidikan Fathi Yakan	101

3.4	Sumbangan Fathi Yakan Dalam Bidang Penulisan	103
3.5	Sumbangan Fathi Yakan Dalam Bidang Dakwah, Politik dan Komuniti Dunia	113
3.6	Pandangan Umum Terhadap Fathi Yakan	123
3.7	Kematian Fathi Yakan	128
3.8	Rumusan	129

#### **BAB 4 UNSUR-UNSUR TARBIAH DALAM KARYA FATHI YAKAN**

4.0	Pengenalan	130
4.1	Unsur-unsur Tarbiah dalam Karya Fathi Yakan	132
4.1.1	Unsur-unsur Tarbiah Iman	133
4.1.1.(a)	Keimanan Kepada Allah s.w.t	134
4.1.1.(b)	Keimanan Kepada Malaikat	138
4.1.1.(c)	Keimanan Kepada Kitab	139
4.1.1.(d)	Keimanan Kepada Rasul	139
4.1.1.(e)	Keimanan Kepada Hari Akhirat	140
4.1.1.(f)	Keimanan Kepada Qada' dan Qadar	141
4.1.2	Unsur-unsur Tarbiah Ruh	143
4.1.2.(a)	Konsep Ibadah	144
4.1.2.(b)	Konsep Bersuci	147
4.1.2.(c)	Konsep Mengingati Allah s.w.t	148
4.1.3	Unsur-unsur Tarbiah Akal	150
4.1.3.(a)	Konsep Dakwah	152
4.1.3.(b)	Konsep Pembangunan Insan	159
4.1.3.(c)	Konsep Amal dan Gerakan Islam	164
4.1.3.(d)	Konsep Islam sebagai Satu Sistem Kehidupan	182
4.1.3.(e)	Konsep Pemerintahan Dalam Islam	190
4.1.4	Unsur-unsur Tarbiah Akhlak	193

4.1.4.(a)	Bekorban dan Tawakal	194
4.1.4.(b)	Syukur dan Tamak	195
4.1.4.(c)	Lemah lembut dan Sabar	196
4.1.4.(d)	Benar, Amanah dan Bersangka Baik	198
4.1.4.(e)	Pemurah dan Bertanggungjawab	199
4.1.4.(f)	<i>Qudwat Hasanat</i> dan Hormat	200
4.1.4.(g)	Bersikap Baik dan Sopan	201
4.1.4.(h)	Qanaah, Percaya dan Yakin	202
4.1.4.(i)	Ikhlas dan Tawaduk	203
4.1.4.(j)	Zuhud dan Sederhana	204
4.1.4.(k)	Waspada dan Tenang	205
4.1.4.(l)	Teliti, Bangga dan Kerjasama	207
4.1.4.(m)	Taat dan Istiqamah	208
4.1.4.(n)	Berani, Serius dan Menepati janji	209
4.1.4.(o)	Malu dan Warak	210
4.1.4.(p)	Adil dan Belas Kasihan	211
4.1.4.(q)	Pemaaf dan Memudahkan Orang	212
	Lain	
4.1.4.(r)	Menjaga Masa dan Berbakti	213
4.1.5	Unsur-unsur Tarbiah Sosial	215
4.1.5.(a)	Sifat Asas Masyarakat Islam	215
4.1.5.(b)	Matlamat Hubungan Sosial	215
4.1.5.(c)	Asas Hubungan dan Komunikasi	216
	Masyarakat	
4.1.5.(d)	Hak Milik Masyarakat	217
4.1.6	Unsur-unsur Tarbiah Perasaan	218
4.1.6.(a)	Perasaan Takut	218
4.1.6.(b)	Perasaan Cinta	219
4.1.7	Unsur-unsur Tarbiah Seksual	220
4.1.7.(a)	Batas Pergaulan Lelaki dan Perempuan	221
4.1.7.(b)	Anjuran Menundukkan Pandangan	221
4.1.8	Unsur -unsur Tarbiah Jasmani	222



4.1.8.(a)	Penjagaan Aspek Kesihatan Diri	222
4.1.8.(b)	Penjagaan Aspek Minuman	223
4.1.8.(c)	Penjagaan Aspek Kebersihan dan Kecergasan	223
4.2	Rumusan	224
 <b>BAB 5 PENUTUP</b>		
5.0	Kesimpulan	225
5.1	Saranan dan Cadangan	239
 <b>BIBLIOGRAFI</b>		
		242
<b>LAMPIRAN</b>		
		259
Lampiran A : GAMBAR FATHI YAKAN		
Lampiran B : BUKU –BUKU FATHI YAKAN		

## SENARAI SINGKATAN KATA

cet. = cetakan

ed. = edisi

eds. = Pengarang bersama

H = hijriat / hijrah

HR = *Hadith Rawahu*

jld. = jilid

hlm. = halaman

m = miladiat / masehi

no. = Nombor

r.a = *radiyallah 'anh*

s.a.w = *sallallah 'alayhi wasallam*

s.w.t = *subhanahu wa ta'ala*

t.p. = tanpa penerbit

t.t.p. = tanpa tempat penerbit

t.th. = tanpa tahun terbit

terj = terjemahan

m. = meninggal

vol.=volume

ISTAC=The International Institute of Islamic Thought and Civilization

## PANDUAN TRANSLITERASI \*

### 1. Konsonan

ا = -	ز = z	ق = q
ب = b	س = s	ك = k
ت = t	ش = sy	ل = l
ث = th	ص = ṣ	م = m
ج = j	ض = ḍ	ن = n
ح = ḥ	ط = ṭ	و = w
خ = kh	ظ = ḏ	ه , هـ = h
د = d	ع = ‘	ء = ’
ذ = dh	غ = gh	ي = y
ر = r	ف = f	ة = ṭ

### 2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
اَ a	اَ ā	اي ay (بين = bayn)
اِ i	اِ ī	او aw (قول = qawl)
اُ u	اُ ū	

\*Panduan transliterasi ini berpandukan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi (1992), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka b.p Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Malaysia.

## UNSUR-UNSUR TARBIAH DALAM KARYA FATHI YAKAN

### ABSTRAK

Berdakwah melalui tulisan banyak dipraktikkan oleh para ilmuwan Islam terdahulu dan masa kini sebagai wadah untuk mengembangkan idea, saranan, teori, pandangan dan pemikiran. Penulisan dakwah mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat atas kemampuannya mempengaruhi minda dan menyebarkan ideologi atau pendapat untuk mempengaruhi atau mendapat sokongan orang ramai. Unsur tarbiah dalam karya dakwah memberi ruang kepada pembaca dakwah yang merupakan pendakwah atau sasaran dakwah untuk membangunkan potensi diri dan melaksanakan dakwah yang menjadi tuntutan kepada setiap Muslim. Sebuah karya dakwah bukan sahaja membincangkan konsep dakwah semata-mata tetapi juga konsep-konsep lain secara langsung atau tidak langsung dalam karya dakwah tersebut dan memerlukan satu tindakan agar boleh diketengahkan kepada umum dalam bentuk yang lebih sistematik dan ilmiah. Fathi Yakan merupakan salah seorang tokoh gerakan Islam dan dakwah yang banyak memberi sumbangan kepada dunia Islam menerusi suara dan penulisan karyanya. Beliau merangkumkan pandangan dan pemikiran beliau serta membangunkan teori-teori berkaitan dakwah dan gerakan Islam dalam buku –buku penulisan beliau. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep tarbiah dalam penulisan dakwah, mengkaji sejarah hidup dan sumbangan Fathi Yakan terhadap dunia Islam dan menganalisis unsur-unsur tarbiah yang diketengahkan oleh Fathi Yakan dalam penulisan karya beliau. Penyelidikan ini adalah penyelidikan kepustakaan yang tertumpu pada tiga buah buku penulisan Fathi Yakan iaitu *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, *al -Isti'āb fī Hayāt al-Da'wat wa al-Dā'iyyat* dan *Kayf Nad'ū ilā al-Islām*. Metode pengumpulan data pula menggunakan metode dokumentasi manakala metode

analisis data pula menggunakan metode analisis kandungan (content analysis) terhadap karya beliau dan kaedah deduktif digunakan bagi mengklasifikasikan unsur-unsur tarbiah di bawah satu tema khusus. Hasil penyelidikan mendapati bahawa hasil karya Fathi Yakan mempunyai unsur-unsur tarbiah seperti unsur tarbiah iman, unsur tarbiah ruh, unsur tarbiah akal, unsur tarbiah akhlak, unsur tarbiah sosial, unsur tarbiah perasaan, unsur tarbiah seksual dan unsur tarbiah jasmani yang penting dan diberi perhatian oleh sebahagian sarjana dalam perbahasan yang berkaitan dengan tarbiah, sesuai dengan kedudukannya sebagai strategi dakwah.

## THE TARBIYYAH ELEMENTS ON THE FATHI YAKAN'S BOOKS

### ABSTRACT

Dakwah by writing is practised by the Islamic scholars as a channel to contribute their ideas, suggestions, theories, opinions or their thoughts. Dakwah writing has a great influence of the community for its ability in influencing the minds and spreading of propagandas. The tarbiyyah elements in dakwah writings serve as an occasion for the readers, as preachers or dakwah targets to improve their self potentials and to carry out the dakwah as part of Muslim responsibilities. Dakwah writings not only discussed the dakwah concepts but also, directly or indirectly discussed other concepts that need a systematic and scientific approach to set forth the concepts to public. Fathi Yakan was a political figure and a preacher who had made great contributions to the world of Islam through his voice and writings. He included his views and thoughts and developed his theories about dakwah and Islamic movement in his writings. The objectives of this study are to identify tarbiyyah concept in dakwah writing, to study about his biography and contributions to the Islamic world and to analysis tarbiyyah elements in his dakwah writings. This research is a library research focusing on three of Fathi Yakan books i:e *Mādhā Ya'nī Intimā'i li al-Islām*, *al -Isti'āb fī Ḥayāt al-Da'wat wa al-Dā'iyyat* and *Kayf Nad'ū ilā al-Islām*. Data collections were carried out using documentation method and analysed using content analysis method of his books and deductive method was used to classify the elements overreach under a specific theme. Findings show that composition by Fathi Yakan involved tarbiyyah elements such as faith element, spirit element, reason element, akhlak element, social element, desire element, sexual element and physical element which are very important and have been highlighted by the scholars in the debate related to tarbiyyah, as it is as one of dakwah strategy.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Pendidikan merupakan satu proses dan aktiviti yang penting bagi manusia dalam usaha melahirkan individu yang berperibadi mulia, berilmu serta berpengetahuan tinggi. Proses mendidik bukan sahaja memerlukan guru sebagai pendidik malah memerlukan bahan-bahan sesuai untuk digunakan dalam proses mendidik. Penulisan bahan-bahan yang boleh mendidik masyarakat sudah berkembang sejak sekian lama dan semakin rancak seiring dengan perkembangan media cetak dan teknologi masa kini.

Penulisan juga merupakan salah satu cara tokoh-tokoh sarjana dan intelektual merakamkan dan menyampaikan khazanah ilmu kepada umum. Tidak terkecuali tokoh sarjana dan intelektual Islam menggunakan medium ini untuk menyampaikan misi dakwah dan pemikiran mereka kepada umum seperti Muhammad Natsir (Pak Natsir) (m.1993) yang menyebarkan pandangan beliau menerusi majalah dan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Indonesia dan Belanda,<sup>1</sup> Al-Mawdudi (m.1979) dan Hassan al-Banna (m.1949) yang menjadikan bahan bercetak seperti majalah, akhbar dan buku sebagai saluran untuk menyampaikan dakwah,<sup>2</sup> dan juga Fathi Yakan (m.2009) yang turut menjadikan medium penulisan sebagai satu cara untuk menyampaikan dakwah dan pandangan beliau tentang sesuatu perkara atau isu.

---

<sup>1</sup> Ab.Aziz Mohd. Zin, (1997) *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, t.c, hlm.170.

<sup>2</sup> *Ibid*, hlm. 161 dan 164.

Mesej-mesej yang disampaikan mempunyai unsur-unsur yang tertentu bergantung tujuan ia ditulis, sasaran pembaca dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk menurut kesesuaian dan pemikiran mereka. Unsur-unsur kemasyarakatan, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya diselitkan dalam sesebuah penulisan bergantung pada motif dan objektif penulisan tersebut. Namun begitu, penulisan Islam terikat dengan terma dan syarat tertentu seperti mana yang digariskan oleh Islam.

Khazanah ilmu yang dirakamkan melalui penulisan ini dapat diwarisi dari satu generasi hingga generasi terkini melalui kitab dan buku yang ditinggalkan walaupun penulis asalnya telah tiada lagi. Penulisan biasanya berkait rapat dengan media cetak tetapi cetusan teknologi maklumat telah membuka ruang kepada aktiviti penulisan untuk bertapak di alam maya. Walau bagaimanapun penulisan dakwah yang disebarkan menerusi maya sering terdedah kepada gangguan semasa seperti virus, gangguan atas talian dan perubahan maklumat.<sup>3</sup>

Penulisan al-Qur'an dalam bentuk mashaf menjadi titik tolak bermulanya sejarah penulisan ilmu-ilmu Islam.<sup>4</sup> Sejarah penulisan dakwah pula bermula apabila Rasulullah s.a.w mengeluarkan perintah pengutusan surat kepada ketua-ketua negara yang tidak beragama Islam untuk menyeru mereka menyembah Allah s.w.t dan memeluk agama Islam.<sup>5</sup> Ini menunjukkan bahawa berdakwah melalui tulisan telah

---

<sup>3</sup> Norrodzoh Hj. Siren, (2006), Retorik Penulisan Dakwah, dlm. Nor Raudah Hj. Siren, *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Pelaksanaan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, cet. 1, hlm. 67.

<sup>4</sup> Nor Raudah Hj. Siren, (2013), *Retorik Penulisan Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 15.

<sup>5</sup> Abd al-Karīm, Zaydān, (1976), *Uṣūl al-Da'waṭ*, Lubnan: Muassasat al-Risālat, cet. 3, hlm. 463. lihat juga 'Alī Mahfuz, (1979), *Hidayat al-Mursyidīn ilā Ṭuruq al-Wa'z wa al-Khiṭābat*, Kaherah: Dār al-ṭiṣām, hlm.49.



diaplikasikan dalam penyampaian dakwah Rasulullah s.a.w selain pelaksanaan dakwah *bi al-lisan*.

Penulisan dakwah di Malaysia dipelopori oleh tokoh-tokoh lepasan pengajian dari Timur Tengah seperti Syed Syeikh al-Hadi (m.1934), Sheikh Tahir Jalaluddin (m.1956) dan lain-lain lagi dalam usaha menentang penjajah asing di bumi Malaysia pada awal abad ke-20 menerusi akhbar dan majalah seperti *al-Imam*, *al-Ikhwān*, *Neracha*, *Warta Malaya* dan sebagainya.<sup>6</sup> Matlamat penulisan ketika ini dilihat sebagai satu usaha untuk memberi kesedaran dan mempengaruhi pemikiran orang Islam untuk bangkit menentang penjajahan bangsa asing di bumi Malaya dan ajakan kembali berpegang kepada ajaran Islam dalam kehidupan.

Selain daripada tokoh-tokoh yang disebut di atas terdapat juga ulama di bumi Melayu yang menjadikan peulisan sebagai wadahnya. Antaranya ialah Tok Kenali atau nama sebenar beliau adalah Mohamad Yusof bin Ahmad (m.1868M).<sup>7</sup> Beliau pernah menjadi Ketua Pengarang Kehormat Majalah Pengasuh yang mula diterbitkan pada 1918 dan menjadikannya sebagai saluran untuk menyampaikan idea-idea beliau dan mesej Islam kepada masyarakat serta pernah menjadi Penasihat Majalah al-Hikmah yang juga popular ketika zaman beliau.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Sejarah Merdeka, Pejuangan Kemerdekaan dalam laman web Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia. <http://cmslib.uum.edu.my>. Tarikh akses 25 Mac 2013. Majalah *al-Imam* mula diterbitkan di Singapura pada tahun 1906 dan menjadi wadah kepada Syeikh Tahir Jalaluddin untuk menyebarkan mesej-mesej pembaharuan Islam. Majalah ini telah berjaya menimbulkan polimik agama mengenai pembaharuan Islam yang berasaskan ajaran al-Qur'an dan Hadis, tamadun dan sejarah Islam. lihat Sohaimi Abdul Aziz, (2003), Pengenalan, dlm. Sohaimi Abdul Aziz (pnyt), *Syeikh Tahir Jalaluddin: Pemikir Islam*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, t.c, hlm. 2-3.

<sup>7</sup> Zulkiple Abd. Ghani dan Mahasin Saja @ Maeraj, (2011), Ulama dan Kewartawanan: Kajian Terhadap Tok Kenali dlm. Azmul Fahimi Kamaruzaman, eds, (pnyt), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN)* IV, 25-26 November 2011, hlm. 480.

<sup>8</sup> *Ibid*, hlm. 482.

Sejajar dengan perkembangan teknologi, penulisan dakwah kini menjadi semakin rancak kerana penulisan masa kini tidak hanya terhad menggunakan dakwat dan kertas tetapi turut mengisi ruang alam maya menerusi blog, laman web dan sebagainya seperti I Luv Islam,<sup>9</sup> Islamweb.net<sup>10</sup> dan lain-lain lagi. Pengguna juga boleh berkongsi status penulisan dakwah menerusi Facebook dan Twitter, berkongsi dan bertukar maklumat dakwah menerusi Yahoo Messenger dan e-mail, menyampaikan mesej dakwah menerusi blog dan sebagainya.

Tidak ketinggalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam usaha mengukuhkan dakwah melalui penulisan telah menganjurkan Bengkel Penulisan Islam menerusi Bahagian Penerbitan Jakim di Hotel Seri Malaysia, Genting Highland, Pahang pada 14-16 April 2006<sup>11</sup> dan Bengkel Penulisan Panel Penulis pada 2-4 April 2007.<sup>12</sup> Ini menunjukkan bahawa penulisan juga memainkan peranan penting dan dianggap penting dalam usaha menyebarkan dakwah.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Penulisan bahan-bahan dakwah juga tertakluk kepada strategi untuk menarik minat pembaca menghalusi dan menghayati isi-isi yang disampaikan oleh penulis. Komentor yang baik dari kalangan pembaca yang lain juga mempengaruhi peningkatan jualan buku-buku tersebut selain isi kandungannya yang berkesan, sesuai dan mampan serta bersesuaian dengan situasi semasa.

---

<sup>9</sup> Laman web ILUVISLAM Inspiring The Umah. <http://www.iluvislam.com>. Tarikh akses 25 Mac 2013.

<sup>10</sup> Laman web Islamweb. <http://www.islamweb.net>. Tarikh akses 25 Mac 2013.

<sup>11</sup> Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.(2006). <http://www.Islam.gov.my>. Tarikh akses 29 September 2013.

<sup>12</sup> Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.(2007).<http://www.Islam.gov.my>. Tarikh akses 29 September 2013.

Selain itu, isi kandungan penulisan dakwah perlu mempunyai unsur-unsur yang membolehkan dakwah itu mencapai matlamatnya. Salah satu unsur yang penting dalam penulisan dakwah ialah unsur tarbiah. Nadzmi Akhbar menjelaskan mengenai kedudukan tarbiah Islamiah mengikut perspektif dakwah yang mana ia dianggap sebagai strategi yang efektif dalam usaha untuk menyeru manusia menghayati dan memahami dan seterusnya mengamalkan ajaran Islam.<sup>13</sup>

Menurut H. Hamzah Ya'qub, tarbiah memainkan peranan penting dalam proses perkembangan manusia kerana ia merupakan salah satu bentuk dakwah jangka panjang yang paling efektif di samping dakwah dapat menjadikan proses pendidikan itu sebagai alat atau saluran dakwah.<sup>14</sup> Kejayaan dakwah diukur sejauh mana sasaran dapat berubah untuk memenuhi objektif dakwah. Objektif dakwah hanya dapat dicapai setelah sasaran melalui proses tarbiah dan sedia menerima dan mengubah kepercayaan dan amalan sesuai dengan syariat Islam.

Justeru tarbiah dan dakwah dilihat mempunyai hubungan yang saling berkait antara satu sama lain. Dakwah boleh disimpulkan sebagai satu usaha untuk membawa seseorang ke jalan Allah s.w.t manakala tarbiah pula boleh disimpulkan sebagai satu proses yang perlu dilalui untuk sampai di jalan Allah s.w.t. Kejayaan tarbiah secara tidak langsung membuktikan matlamat dakwah telah dicapai.

Dalam konteks penulisan dakwah, unsur-unsur tarbiah adalah penting kerana penulisan dakwah merupakan satu cara dan proses mendidik sasaran melalui tulisan.

---

<sup>13</sup> Nadzmi Akhbar, (2006), Pendidikan Islam dalam Perspektif Dakwah dalam *Jurnal Al Hadharah*, vol.5, no. 8 Julai- Disember 2006, hlm. 85-104.

<sup>14</sup> H.Hamzah Ya'qub, (1981), *Publisistik Islam:Teknik Da'wah Dan Leadership*, Bandung: Diponegoro, cet. 2, hlm. 91

Penulisan yang berkesan akan dapat mempengaruhi dan membentuk minda sasaran serta mampu mencetuskan pengaruh dalam masyarakat.<sup>15</sup> Secara tidak langsung perubahan yang berlaku kepada sasaran merupakan refleksi positif terhadap seruan berdakwah. Pengaruh dakwah yang disampaikan melalui tulisan lebih mudah difahami, dihayati, disebarkan dan masih boleh dibaca sepanjang zaman walaupun penulisnya telah meninggal dunia.

Dalam realiti dunia hari ini, penulisan dakwah boleh menjadi medan dakwah yang penting dan dapat berkembang dengan cepat selari dengan perkembangan dunia teknologi hari ini. Oleh sebab itu, kajian mengenai unsur-unsur tarbiah dalam penulisan dakwah dilakukan untuk mengenal pasti unsur-unsur tarbiah yang ditekankan dalam penulisan dakwah yang boleh digunakan sebagai satu strategi dalam usaha merealisasikan matlamat dakwah.

Selain itu, adalah satu keperluan sesebuah buku dikaji dengan teliti agar intipatinya dapat ditonjolkan secara sistematik dan tersusun di bawah satu tema tertentu bagi memudahkan rujukan pada masa hadapan dan meluaskan lagi khazanah ilmu pengetahuan. Kebiasaannya, pembaca akan membaca keseluruhan isi kandungan buku tersebut secara umum, mengutip isi-isi penting dalam buku tersebut secara umum, difahami dalam bentuk yang umum berdasarkan kategori atau konsep umum yang dibawa oleh sesebuah buku tanpa menyedari bahawa buku-buku tersebut juga membincangkan konsep-konsep lain yang ada kaitan dengan kehidupan manusia. Justeru adalah satu keperluan untuk melaksanakan kajian khusus bagi merungkai atau mengenalpasti konsep-konsep yang terdapat dalam buku tersebut serta menyetengahkannya dalam bentuk yang lebih sistematik.

---

<sup>15</sup> Yunus Hanis Syam, hlm. 41-42.

Buku-buku yang ditulis dalam konteks dakwah dianggap secara umumnya membicarakan isu-isu dalam ruang lingkup dakwah semata-mata tanpa menyadari bahawa ada konsep-konsep lain yang tersembunyi dalam penulisan buku tersebut seperti konsep pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya. Oleh itu kajian terhadap buku-buku dakwah adalah satu keperluan dalam usaha untuk mencungkil cabang-cabang ilmu lain yang terkandung di dalamnya. Buku dakwah yang akan dikaji adalah hasil karya Fathi Yakan yang bertajuk *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*,<sup>16</sup> *al-Isti'āb fī Hayāt al-Da'wat wa al-Dā'iyyat*<sup>17</sup> dan *Kayf Nad'ū ilā al-Islām*.<sup>18</sup>

Buku *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām* ditulis dalam dua bahagian. Bahagian pertama membahaskan mengenai sifat-sifat yang perlu ada dalam diri seorang Muslim bagi membolehkannya diiktiraf sebagai seorang Muslim hakiki dengan sifat-sifat yang ada pada mereka.<sup>19</sup> Matlamat penulisan bahagian pertama ini ialah menjelaskan maksud penggabungan diri dalam agama Islam serta tuntutan Islam daripada seorang Muslim agar penggabungannya adalah satu penggabungan yang hakiki dan benar.<sup>20</sup>

Bahagian kedua pula membincangkan mengenai kewajipan penggabungan diri dan beramal dalam Islam yang membahaskan mengenai matlamat, sifat, wasilat, cara beramal dengan gerakan Islam serta keperluan sifat-sifat bagi seseorang yang menggabungkan dirinya dalam sebuah gerakan Islam.<sup>21</sup> Menurut penulis buku

---

<sup>16</sup> Fathī Yakan, (1982), *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, Beirut: Muassasat al-Risālat, cet. 8.

<sup>17</sup> Fathī Yakan (1990), *al-Isti'āb fī Hayāt al-Da'wat wa al-Dā'iyyat*, Beirut: Muassasat al-Risālat, cet. 9.

<sup>18</sup> Fathī Yakan, (1992), *Kayf Nad'ū ilā al-Islām*, Beirut: Muassasat al-Risālat, cet. 14.

<sup>19</sup> Fathī Yakan (1982), *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, hlm.5

<sup>20</sup> *Ibid*, hln. 6.

<sup>21</sup> *Ibid*, hlm. 6.

ini, kupasan bahagian ini adalah di bawah tajuk “Apa Erti Saya Menggabungkan Diri Dalam Gerakan Islam membincangkan” mengenai asas penggabungan individu dalam gerakan Islam adalah kewujudan sifat-sifat penggabungan dirinya dalam agama Islam itu sendiri.<sup>22</sup> Tajuk bahagian kedua ini meliputi kupasan mengenai keperluan hidup untuk Islam, kewajipan beramal untuk Islam, Gerakan Islam, tanggungjawab, ciri dan persediaan, cara beramal dalam Islam, tuntutan penggabungan diri dalam gerakan Islam, pusat penumpuan amal Islam serta syarat-syarat bai‘ah dan keanggotaan.<sup>23</sup>

Buku *Kayf Nad‘ū ilā al-Islām* pula mengandungi empat bab yang berkaitan dengan prinsip-prinsip dakwah Islamiah, seruan kepada Islam, bahan-bahan dakwah dan kewajipan membentuk *tanẓim harakīy* serta kewajipan bekerja di dalamnya.<sup>24</sup> Seruan kepada Islam dalam bab kedua berkait rapat dengan tatacara dan uslub berdakwah serta menyelitkan faktor-faktor yang membantu kejayaan dalam proses penyampaian dakwah. Menurut pengarang, buku ini ditulis atas dasar keperluan kepada pendakwah untuk mempunyai manhaj dakwah dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah kepada Allah s.w.t meliputi cara penyampaian, memilih tajuk dan bahan dakwah dan sebagainya yang berkaitan dakwah.<sup>25</sup>

Buku *al-Isti‘āb fī Ḥayāt al-Da‘wat wa al-Dā‘iyyat* pula memberi tumpuan kepada penguasaan dalaman dan luaran pendakwah. Penguasaan luaran bermaksud menguasai sasaran yang tidak berada di medan dakwah, *tanẓim* dan gerakan.<sup>26</sup> Manakala penguasaan dalaman terbahagi kepada dua sub tajuk iaitu penguasaan

---

<sup>22</sup> *Ibid*, hlm. 79.

<sup>23</sup> *Ibid*, hlm.184.

<sup>24</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad‘ū ilā al-Islām*, hlm. 5

<sup>25</sup> *Ibid*, hln. 7.

<sup>26</sup> Fathī Yakan, *al-Isti‘āb fī Ḥayāt al-Da‘wat wa al-Dā‘iyyat*, hlm 13-14.

*aqā'id tarbawiy* dan penguasaan *haraky*. Buku ini adalah hasil daripada penderitaan dan pengalaman pahit penulis sepanjang penglibatan beliau dalam amal Islami.

Kewajaran karya-karya ini dipilih sebagai bahan kajian adalah kerana sambutan yang menggalakkan yang telah diterima oleh ketiga-tiga buku ini . Ketiga-tiga buku ini telah diterbitkan pada tahun 1982 tetapi pada tahun 1990 buku *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām* telah dicetak untuk kali kelapan dan *al-Isti'āb fī Hayāt al-Da'wat wa al-Dā'iyyat* telah diulang cetak untuk kali kesembilan manakala *Kayf Nad'ū ilā al-Islām* telah dicetak untuk kali keempat belas pada tahun 1992. Buku *Kayf Nad'ū ilā al-Islām* secara puratanya dianggarkan antara 3000-10000 salinan dicetak semula setiap dua tahun dengan anggaran sebanyak 70,000- 120,000 naskhah telah terjual.<sup>27</sup> Kesemuanya adalah cetakan dalam bahasa Arab.

Buku-buku Fathi Yakan telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Urdu, Turki, Parsi, Bosnia, Chechnya dan beberapa bahasa di benua Afrika, Indonesia<sup>28</sup> dan juga bahasa Melayu membuktikan bahawa isi kandungan buku-buku beliau mempunyai nilainya yang tersendiri. Malah terdapat buku-buku tulisan beliau yang diguna pakai sebagai teks usrah organisasi atau pun jemaah tertentu seperti ABIM.<sup>29</sup> Ini menunjukkan bahawa isi kandungan buku beliau mempunyai keistimewaan yang tersendiri apabila digunakan sebagai rujukan dalam sesebuah organisasi.

---

<sup>27</sup> Sebastian Elsasser (2007), Fathi Yakan: Islamitischer Intellektueller und Aktivist, Grundungsvater des Sunnitischen Islamismus im Libanon, *Jurnal Orient*, vol. IV, Berlin, hlm. 64-71.

<sup>28</sup>*Ibid.*

<sup>29</sup> Zulkifly Abd. Malek, (2011), From Cairo to Kuala Lumpur: The Influence of The Egyptian Muslim Brotherhood on The Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), Tesis Sarjana, Washington: University Geogetown, hlm.55.

Selain itu, isi kandungan tiga buah buku ini juga menonjolkan banyak unsur-unsur tarbiah dan dakwah yang mungkin berguna kepada masyarakat umum justeru kajian ini memungkinkan isi berkaitan tarbiah dan dakwah dapat ditonjolkan di bawah terma-terma atau sub topik tertentu demi memastikan kelangsungan khazanah ilmu pengetahuan di pelihara.

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, maka persoalan kajian ini memberi tumpuan kepada:

1. Apakah konsep tarbiah dan penulisan dakwah dalam Islam?
2. Siapakah Fathi Yakan dan apakah sumbangan dan penglibatan beliau terhadap komuniti Islam?
3. Apakah unsur-unsur tarbiah yang ditekankan oleh Fathi Yakan dalam penulisan dakwah beliau?

## **1.2 Kajian-kajian Lepas**

Sepanjang penelitian penulis, tiada lagi kajian berkaitan dengan unsur-unsur tarbiah. Kajian yang terhampir dengan kajian penulis ialah kajian yang berkaitan dengan nilai-nilai pendidikan dan tarbiah. Penulis akan mengelaskan kajian yang lepas dalam tiga sub topik iaitu kajian yang berkaitan dengan nilai-nilai pendidikan dan tarbiah, kajian yang berkaitan dengan penulisan dakwah dan kajian yang berkaitan dengan Fathi Yakan.

Kajian yang berkaitan dengan nilai-nilai pendidikan antaranya ialah buku yang ditulis oleh Abdullah Nasih Ulwan yang bertajuk *Tarbiyyat al-Awlad fī al-*



*Islām*.<sup>30</sup> Jilid pertama buku ini membicarakan mengenai rumahtangga dan hubungannya dengan pendidikan, perasaan psikologi ibu-bapa terhadap anak, hukum hakam yang berkaitan anak yang baru lahir, faktor keruntuhan anak dan cara mengatasinya serta tanggungjawab pendidikan iman, akhlak, jasmani, mental, psikologi dan sosial anak. Manakala jilid kedua pula berkaitan tanggungjawab memberi pendidikan seks, kaedah pendidikan anak yang efektif, kaedah kaedah asas pendidikan dan saranan-saranan penting dalam konteks pendidikan.

Kajian seterusnya yang dibuat oleh Nopi Setiawati yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Pukat, Serial Anak-anak Mamak Karya Tere-Liye*".<sup>31</sup> Kajian ini menyentuh mengenai biografi Tere-Liye serta nilai-nilai Pendidikan Islam yang terkandung dalam novel tersebut. Kajian beliau mendapati bahawa nilai-nilai pendidikan Islam yang terdapat dalam novel ini iaitu nilai pendidikan akidah yang berkait dengan keimanan kepada Allah s.w.t, Hari Akhirat dan Qada' dan Qadar, nilai-nilai pendidikan akhlak seperti nilai yang berkaitan akhlak kepada Allah s.w.t seperti perasaan takut kepada Allah s.w.t, nilai berkaitan akhlak kepada diri sendiri seperti optimis dan berfikiran positif, sabar dan lain-lain serta nilai berkaitan akhlak kepada orang tua seperti kasih sayang terhadap orang tua dan nilai pendidikan akhlak sesama manusia seperti tolong menolong sesama manusia serta nilai pendidikan syariah seperti perkara yang berkaitan dengan solat dan azan, wuduk, iqamat dan doa.

---

<sup>30</sup> 'Abd Allāh Nāsih 'Ulwān, (1992), *Tarbiyyat al-Awlad fī al-Islām*, (t.tp): Dār al-Salām, cet.21.

<sup>31</sup> Nopi Setiawati, (2013), *Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Pukat Serial Anak-anak Mamak Karya Tere Liye*, Skripsi Sarjana Strata Satu, Program Studi Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Artikel yang ditulis oleh Zakaria bertajuk "*Analisis Nilai-nilai Pendidikan dalam Novel Ayat-ayat Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy*"<sup>32</sup> menemukan nilai pendidikan sosial yang berkaitan dengan aktiviti masyarakat, kebudayaan dan adat kebiasaan seperti gambaran suasana kota Cairo, sikap saling ingat mengingatkan antara satu sama lain, nilai pendidikan moral seperti sikap bertanggungjawab ketika melaksanakan tugas dan etika berpakaian yang betul mengikut syariat dan nilai pendidikan agama seperti berdoa dan bertawakal kepada Allah s.w.t, keyakinan bahawa sesuatu perkara terjadi dengan kehendak-Nya.

Penulisan seterusnya ialah kajian yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam surah al-Ma'un*" yang ditulis oleh Ida Ainun Fitriyah.<sup>33</sup> Hasil kajian beliau mendapati nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam surah tersebut iaitu nilai pendidikan tauhid yang menyentuh mengenai individu yang tidak mempercayai hari kiamat, nilai pendidikan ibadah yang berkait dengan individu yang melalaikan solat, nilai pendidikan akhlak yang menyentuh mengenai larangan riyak dan keengganan membantu dengan barang berguna serta nilai pendidikan sosial yang berkait dengan etika pergaulan bersama anak yatim serta galakan memberi makan kepada fakir miskin.

---

<sup>32</sup> Zakaria, (2013), Analisis Nilai-nilai Pendidikan dalam Novel Ayat-ayat Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy, *Artikel e-Journal*, Jurusan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Maritim Raja Ali Haji Tanjung Pinang dalam [jurnal.umrah.ac.id](http://jurnal.umrah.ac.id). Tarikh akses 1 Disember 2013.

<sup>33</sup> Ida Ainun Fitriyah, (2012), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam surah al-Ma'un, Tugas Akhir Sarjana Strata Satu, Jurusan Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.

Kajian yang ditulis oleh Khanif bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam al-Qur'an Surah al-Isra' ayat 23-25 dan Aktualisasinya dalam Dunia Modern*"<sup>34</sup> menemukan nilai-nilai pendidikan akidah seperti kewajiban manusia mengesakan Allah s.w.t dalam ibadah dan larangan menyekutukan Allah s.w.t, nilai pendidikan *birr al-walidaini* (berbuat baik kepada ibu-bapa) yang terdapat dalam ayat. Di akhir kajian ini penulis menjelaskan bahawa aktualisasi nilai-nilai pendidikan akidah dalam dunia moden antara lain bermatlamatkan kehidupan yang aman sejahtera untuk manusia dari segi zahir dan batin serta keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat.

Dewi Rofiqah dalam kajian yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Pudarnya Pesona Cleopatra Karya Habiburrahman El-Shirazi*"<sup>35</sup> membahaskan mengenai nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung di dalam novel. Hasil kajian beliau menemukan bahawa nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung di dalam novel adalah nilai pendidikan iman atau akidah iaitu iman kepada Allah s.w.t, iman kepada rasul serta iman kepada kitab, nilai pendidikan ibadah atau syariah seperti ibadah solat dan puasa serta nilai pendidikan akhlak seperti berbakti kepada orang tua dan suami, bantu membantu dalam perkara baik, sifat sabar dan bertaubat, pemaaf dan sebagainya.

---

<sup>34</sup> Khanif, (2012), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam al-Qur'an surah al-Isrā' ayat 23-25 dan Aktualisasinya dalam Dunia Modern, Skripsi Sarjana Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah, Institut Agama Islam Negeri WaliSongo Semarang.

<sup>35</sup> Dewi Rofiqah, (2012), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Pudarnya Cinta Cleopatra Karya Habiburrahman El-Shirazi, Skripsi Sarjana Strata satu Pendidikan Agama Islam, Jurusan Tarbiyah, STAIN Perkalongan.

Artikel yang bertajuk "*Tarbiah dalam Novel Papa.....(Akhirnya kau Tewas Jua)*" tulisan Maharem Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah<sup>36</sup> mengupas mengenai tarbiah iman, tarbiah akhlak, tarbiah fizikal dan tarbiah sosial yang terkandung di dalam novel tersebut. Hasil kajian juga mendapati kesesuaian novel yang merupakan teks KOMSAS Tingkatan Empat ini dengan nilai keinsanan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta kesesuaian nilai kemanusiaan yang ada untuk pentarbiahan pelajar dan amat menarik. Nilai dan cara pentarbiahan yang terkandung di dalam novel ini diiktiraf sebagai bersesuaian dengan persekitaran pelajar di sekolah. Kajian beliau juga mendapati teks ini menepati kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kajian yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam yang terkandung dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasery Basral*"<sup>37</sup> tulisan Diantini Ida Afianti menganalisis nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel Sang Pencerah. Hasil kajian menemukan nilai-nilai tauhid seperti mengesakan Allah s.w.t dan larangan melakukan syirik, nilai-nilai ibadah seperti solat berjemaah, nikah, larangan *taqlid* serta keinginan menuntut ilmu serta nilai-nilai akhlak seperti berbuat baik kepada orang tua dan sesama manusia serta nilai-nilai sosial seperti musyawarah, bersopan santun terhadap anak yatim dan amalah bersedekah.

Kajian yang ditulis oleh Evi Yuni Imaroh yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novelet Mahkota Cinta Karya Habiburrahman El-*

---

<sup>36</sup> Maharem Mamat, (eds), *Tarbiah dalam Novel Papa.....Akhirnya Kau Tewas Jua*) dalam *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, vol.13, Jun/Julai 2012, hlm. 119-132.

<sup>37</sup> Diantini Ida Afianti, (2011), *Nilai-nilai Pendidikan Islam yang Terkandung dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasery Basral*, Skripsi Sarjana Strata Satu, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah, Universitas Islam Negeri Malang.

*Shirazy*<sup>38</sup> menemukan nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel tersebut seperti nilai pendidikan iman yang berkait rapat dengan rukun iman yang enam, nilai pendidikan moral seperti larangan bergaul bebas antara lelaki dan perempuan, nilai pendidikan akal seperti penekanan terhadap penjagaan kesihatan akal, nilai pendidikan kejiwaan seperti penghindaran sifat marah dan benci dalam jiwa, nilai pendidikan sosial seperti penanaman prinsip-prinsip mulia iaitu takwa, kasih sayang, memelihara hak-hak orang lain dan nilai pendidikan seks seperti etika menjaga kehormatan diri dan sebagainya. Hasil kajian juga mendapati nilai-nilai pendidikan Islam dalam novel ini relevan dengan pendidikan nasional dari segi tujuan dan matlamatnya iaitu keimanan dan ketaqwaan manusia hanyalah kepada Tuhan yang esa. Walaupun begitu beberapa perkara di dalam novel yang tidak bersesuaian dengan nilai pendidikan Islam turut diketengahkan seperti pergaulan bebas, penzinaan, penyalahgunaan dadah, sifat pamarah, pembenci dan sebagainya.

Kajian yang ditulis oleh Di'amah Fitriyah bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan dalam Kumpulan Puisi Sembahyang Karang Karya Arini Hidajati dan Relevansinya dengan Pendidikan Agama Islam*"<sup>39</sup> menemukan nilai-nilai pendidikan akidah seperti iman kepada Allah s.w.t., rasul, malaikat dan hari akhirat, nilai-nilai pendidikan ibadah seperti tafakur, solat puasa, doa dan zikir serta nilai-nilai pendidikan akhlak yang merangkumi akhlak kepada Allah s.w.t seperti perasaan cinta kepada Allah s.w.t dan syukur, akhlak terhadap diri sendiri seperti pasrah, malu, *iffah* (menahan diri daripada perkara yang diharamkan Allah s.w.t.) dan sabar serta akhlak kepada negara

---

<sup>38</sup> Evi Yuni Imaroh, (2010), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novelet Mahkota Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy, Skripsi Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

<sup>39</sup> Di'amah Fitriyah, (2010), Nilai-nilai Pendidikan dalam Kumpulan Puisi Sembahyang Karang Karya Arini Hidajati dan Relevansinya dengan Pendidikan Agama Islam, Skripsi Sarjana Strata Satu Pendidikan Agama Islam, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

seperti pelaksanaan amal ma'ruf dan nahi mungkar. Kajian ini juga mendapati nilai-nilai pendidikan dalam kumpulan puisi ini relevan dengan tujuan dan bahan pendidikan agama Islam.

Agung Prayoga dalam kajian yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ma Yan Karya Sanie B. Kuncora*"<sup>40</sup> mendapati nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel Ma Yan ialah nilai pendidikan akidah, syariat dan akhlak. Aspek pendidikan akidah yang ditekankan dalam novel ini antaranya ialah perihal iman kepada Allah s.w.t dan iman kepada qada' dan qadar. Selain itu penekanan terhadap aspek pendidikan syariat seperti tayamum, berdoa, sahur serta aspek pendidikan akhlak seperti larangan berbohong, kesabaran, berbakti kepada ibu bapa dan lain-lain lagi turut dinyatakan oleh pengkaji dalam kajiannya. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam novel ini bersesuaian dengan isi pendidikan agama Islam serta tujuan pendidikan agama Islam yang mengajak manusia melakukan amal kebaikan dan menjauhi sifat dan amalan yang buruk sepertimana yang dianjurkan oleh agama Islam.

Nur Hidayah dalam kajian beliau yang bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Berkisar Merah Karya Ahmad Tohari*"<sup>41</sup> menemukan nilai-nilai pendidikan iman dan nilai-nilai pendidikan akhlak yang terkandung di dalam novel tersebut. Hasil kajian mendapati isi kandungan novel Berkisar Merah relevan dengan tujuan pendidikan Islam di antaranya menyentuh mengenai taqwa, ibadah kepada Allah s.w.t serta amal ma'ruf dan nahi mungkar.

---

<sup>40</sup> Agung Prayoga, (2011), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ma yan Karya Sanie B. Kuncora, Skripsi Sarjana Strata Satu, Jurusan Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

<sup>41</sup> Nur Hidayah, (2009), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Berkisar Merah Karya Ahmad Tohari, Skripsi Sarjana Strata Satu, Pendidikan Agama Islam, Jurusan Tarbiyah, STAIN Perkalangan.

Elok Satya Putri dalam kajian beliau yang bertajuk "*Analisis Nilai Edukatif Novel Totto-Chan Karya Tetsuko Kuroyanagi dan Relevansinya pada Nilai-nilai Edukatif di Sekolah Dasar (Studi Kasus pada Madrasah Ibtadaiyah al-Islam Pranggang Kabupaten Kediri)*"<sup>42</sup> membicarakan mendapati novel ini mengandung nilai-nilai peribadi seperti sikap tanggungjawab dan waspada serta nilai-nilai sosial seperti hormat-menghormati, bersopan santun, besederhana dalam hidup dan lain-lain lagi. Hasil kajian juga menemukan bahawa nilai-nilai edukatif di dalam novel ditonjolkan menerusi dialog, ciri-ciri tokoh, komentar pengarang serta keterangan sesuatu peristiwa. Penulis menegaskan bahawa pembelajaran di sekolah dasar berkemampuan menanamkan nilai-nilai edukatif tersebut.

Hasil kajian yang ditulis oleh Dyah Purnawati bertajuk "*Nilai-nilai Pendidikan dalam Novel Rumah Pelangi Karya Samsikin Abu Daldiri*"<sup>43</sup> menemukan nilai-nilai pendidikan Islam yang terhasil berdasarkan karekter pendidik yang terdapat di dalam novel tersebut. Nilai-nilai tersebut ialah nilai pendidikan iman kepada Allah s.w.t, nilai pendidikan dalam ibadah dan nilai pendidikan akhlak merangkumi akhlak kepada Allah s.w.t, akhlak kepada diri sendiri, akhlak sesama manusia dan akhlak dalam keluarga. Hasil kajian juga mendapati karekter pendidik yang terdapat dalam novel ini seperti optimis, tawaduk, pemaaf keterampilan, kreatif dan inovatif dalam pengajaran dan lain-lain lagi adalah sesuai dengan nilai-nilai pendidikan Islam.

---

<sup>42</sup> Elok Satya Puteri, (2009), Analisis Nilai Edukatif Novel Totto-Chan Karya Tetsuko Kuroyanagi dan Relevansinya pada Nilai-nilai Edukatif di Sekolah Dasar (Studi Kasus pada Madrasah Ibtadaiyah al-Islam Pranggang Kabupaten Kediri), Tugas Akhir Sarjana Strata Satu, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.

<sup>43</sup> Dyah Purnawati, (2009), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Rumah Pelangi Karya Samsikin Abu Daldiri, Skripsi Sarjana Pendidikan Islam, Jurusan Kependidikan Islam, Fakultas Tarbiyah Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Yeni Oktarina dalam kajiannya yang bertajuk *"Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Laskar Pelangi Karya Andrea Hirata"*<sup>44</sup> menemukan nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel ini seperti nilai kejujuran dan contoh teladan yang merangkumi persekitaran, keperibadian dan perbuatan, nilai kesabaran seperti sikap tidak berputus asa, bersyukur kepada Allah s.w.t di samping nilai disiplin, nilai persahabatan, nilai kepemimpinan dan nilai kesederhanaan.

Kajian seterusnya ialah kajian yang ditulis oleh Zuhrotun Nisa bertajuk *"Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ayat-ayat Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy"*<sup>45</sup> menganalisis nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung di dalam novel Ayat-ayat Cinta. Hasil kajian mendapati nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel ialah nilai pendidikan akidah, nilai pendidikan syariat dan nilai pendidikan akhlak. Hasil kajian juga menemukan bahawa isi kandungan novel turut menyentuh mengenai amalan poligami yang terbina dalam lingkungan ukhwah Islamiah.

Kajian yang ditulis oleh Irma Tri Kurniawati bertajuk *"Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El-Shirazy"*<sup>46</sup> membahaskan mengenai konsep pendidikan Islam yang berkemampuan mengangkat martabat manusia ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Hasil kajian menemukan nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel ini adalah

---

<sup>44</sup> Yeni Oktarina, (2009), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Laskar Pelangi Karya Andrea Hirata, Skripsi Sarjana Pendidikan Islam, Jurusan Pendidikan Agama Islam (Tabiyah), Fakultas Agama Islam, Universitas Muhammadiyah Surakarta.

<sup>45</sup> Zuhrotun Nisa, (2009), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ayat-ayat Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy, Skripsi Sarjana Strata Satu Pendidikan Agama Islam, Jurusan Tarbiyah, STAIN Perkalongan.

<sup>46</sup> Irma Tri Kurniawati, (2009), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El-Shirazy, Skripsi Sarjana Strata Satu, Pendidikan Agama Islam, Jurusan Tarbiyah STAIN Perkalongan.



nilai pendidikan iman, nilai pendidikan syariat dan nilai pendidikan akhlak. Kedudukan manusia dilihat sebagai individu yang mempunyai tanggungjawab kepada Allah s.w.t, diri sendiri dan persekitarannya.

Kajian yang bertajuk *"Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Kasidah Burdah Karya Imam al-Bushiri"* hasil tulisan Mukhlis Wahyudi<sup>47</sup> menyentuh mengenai biografi Imam al-Bushiri serta nilai-nilai pendidikan akidah, syariah dan akhlak dalam kasidah burdah karya Imam al-Bushiri. Berdasarkan hasil kajian beliau mendapati kasidah burdah mempunyai nilai-nilai pendidikan Islam seperti nilai akidah merangkumi rukun iman yang enam, nilai syariah dan nilai akhlak seperti solat, puasa jihad dan doa serta nilai akhlak kepada Allah s.w.t, Rasul dan juga diri sendiri. Kajian juga mendapati bahawa kasidah burdah Imam Bushiri bersesuaian dengan aspek pendidikan Islam jika dilihat dari segi matlamat dan kandungannya yang berkaitan dengan akhlak, syariah dan akidah.

Ridho Zulfikar dalam kajian beliau yang bertajuk *"Analisis Nilai-nilai Edukatif dalam Novel Mihrab Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy"*<sup>48</sup> menemukan dapatan kajian bahawa nilai-nilai edukatif yang terdapat di dalam novel ini adalah keupayaan meningkatkan iman dan taqwa, musyawarah, berkemampuan menerima kritikan, budaya salam, menyedari kemampuan diri, amal ma'ruf dan nahi mungkar, bersyukur dan lain-lain lagi.

---

<sup>47</sup> Mukhlis Wahyudi, (2008), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Kasidah Burdah Karya Imam al-Bushiri, Skripsi Sarjana Strata Satu, Fakultas Tarbiyah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.

<sup>48</sup> Ridho Zulfikar, (2008), Analisis Nilai-nilai Edukatif dalam Novel dalam Mihrab Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy, Tugas Akhir Sarjana Strata Satu, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.

Artikel yang ditulis oleh Mohamad Cholil Asyari bertajuk "*Analisis Nilai Edukatif dalam Novel "Love in Pesantren" Karya Shachree M. Daroini sebagai Pengembangan Karakter Guru di Pesantren Sesuai Dasar Pendidikan Islam*"<sup>49</sup> menemukan bahawa novel ini mengandungi nilai-nilai edukatif yang berkaitan dengan sikap guru seperti pengajaran ilmu yang berguna di dunia dan akhirat, amar ma'ruf dan nahi mungkar, keikhlasan dan lain-lain lagi. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa nilai-nilai edukatif yang diterapkan sebagai pengembangan ciri-ciri guru di pesantren bersesuaian dengan dasar pendidikan Islam.

Berhubung dengan tajuk penulisan dakwah antaranya ialah buku yang ditulis Nor Raudah Hj Siren yang bertajuk "*Retorik Penulisan Dakwah*".<sup>50</sup> Buku ini mengupas mengenai penulisan dakwah merangkumi konsep, komunikasi dakwah serta retorik dalam penulisan dakwah. Selain itu, buku ini juga turut memuatkan retorik pembujukan dakwah yang menyentuh mengenai mesej dakwah dan gaya penyampaian dakwah serta retorik diri pendakwah. Buku ini juga turut menyetengahkan perbandingan mesej dakwah antara Siddiq Fadzil dan Fadzil Noor (2002) serta perbandingan penggunaan retorik pembujukan dakwah dalam teks ucapan Siddiq Fadzil dan Fadzil Noor .

Kajian yang ditulis oleh Nor Syuhada binti Mohd Basir bertajuk "*Penulisan Islamik sebagai Medium Pendekatan Dakwah: Satu Kajian terhadap Penulisan*

---

<sup>49</sup> Mohamad Cholil Asyari, *Analisis Nilai Edukatif dalam Novel "Love in Pesantren" Karya Shachree M. Daroini sebagai Pengembangan Karakter Guru di Pesantren Sesuai Dasar Pendidikan Islam*. laman web [fai.unisma.ac.id](http://fai.unisma.ac.id). Tarikh akses 1 Disember 2013.

<sup>50</sup> Nor Raudah Hj Siren, (2013), *Retorik Penulisan Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, t.c

*Novel*<sup>51</sup> menggunakan kaedah temubual bersama penulis tiga buah novel yang dipilih sebagai objek kajian iaitu novel yang bertajuk *Cinta Kembali Bertasbih* karya A.Ubaidillah Alias, *Ladang Hati Mustika* karya Ummu Hani Abu Hasan dan *Tuhan Masih Mencintaiku* karya Lily Haslina Nasir. Hasil kajian mendapati bahawa konsep penulisan yang terdapat di dalam novel-novel tersebut berkait rapat dengan kisah masyarakat dan keluarga, cinta serta kasih sayang. Teknik penulisan yang digunakan dalam penulisan tersebut ialah teknik dialog dan penulis menggunakan kepelbagaian gaya bahasa dalam usaha menyampaikan elemen dakwah kepada pembaca menerusi karya-karya mereka.

Artikel yang ditulis oleh Norrodzoh Hj. Siren bertajuk "*Retorik Penulisan Dakwah*"<sup>52</sup> mengupas mengenai model penulisan dakwah yang melibatkan elemen penting dalam penulisan dakwah iaitu penulis, pembaca dan karya. Selain itu, etika dan ciri penulis dakwah serta elemen-elemen penting yang berkait rapat dalam sesuatu karya seperti pemikiran atau idea utama dalam penulisan dakwah turut dibincangkan dalam artikel ini.

Berhubung dengan kajian yang berkaitan dengan Fathi Yakan antaranya buku yang ditulis oleh 'Alī Lāghā bertajuk "*Fathī Yakan: Dā'iyyat wa Rā'idan li al-Ḥarakat al-Islāmiyyat fī Lubnān*"<sup>53</sup> mengupas mengenai peribadi Fathi Yakan, asas pemikiran Fathi Yakan dalam agama, peribadi Islam, politik dan gerakan, *manhaj* dakwah, perubahan ummah serta penglibatan Fathi Yakan dalam konflik politik

---

<sup>51</sup> Nor Syuhada binti Mohd Basir, (2012), *Penulisan Islamik sebagai Medium Pendekatan Dakwah: Satu Kajian Terhadap Penulisan Novel, Projek Akhir, Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pendidikan (Pengajian Islam)*, Universiti Teknologi Malaysia.

<sup>52</sup> Norrodzoh Hj. Siren, (2006), *Retorik Penulisan Dakwah*, dlm. Nor Raudah Hj. Siren, (eds.), *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Pelaksanaan*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, cet. 1, hlm. 65-84.

<sup>53</sup> 'Alī Lāghā, (2012), *Fathī Yakan: Dā'iyyat wa Rā'idan li al-Ḥarakat al-Islāmiyyat fī Lubnān*, Beirut: Markaz al-Hadārat li Tanmiyyat al-Fikr al-Islāmī, cet. 2.